

UMP dan MAPUM anjur kursus jana pendapatan kolej kediaman



Kuantan, 16 April- Bahagian Perumahan & Kemudahan Pelajar (BPKP) dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEP) menganjurkan Kursus Penjanaan Kewangan Kolej Kediaman dengan kerjasama Majlis Perumahan Universiti - Universiti Malaysia (MAPUM) yang telah berlangsung di Arabian Bay Bukit Gambang Resort, Kuantan.

Lebih 50 orang peserta membabitkan Universiti Awam (UA) hadir termasuklah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Turut serta peserta dari Kolej Widad dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).



Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dato' Dr Yuserrie Zainuddin berkata, kursus ini diadakan untuk melihat bagaimana sesebuah organisasi dapat menjalankan operasi dengan tidak hanya menumpukan kepada satu sumber pendapatan sahaja.

"Ianya juga sebagai usaha dalam meningkatkan keupayaan sesebuah organisasi untuk mempelbagaikan sumber pendapatan dalam meningkatkan produktiviti. UMP berbangga diberikan kepercayaan oleh pihak MAPUM bagi pengajuran kursus ini," katanya.

Sementara itu, pengarah program, Dr. Siti Rabiatull Aisha Idris berpendapat kursus yang buat julung kalinya ini diadakan berjaya membantu peserta mendapatkan pendedahan dalam usaha mempelbagaikan sumber untuk menjana pendapatan.

Manakala bagi penyelaras program, Zahiruddin Mohd Zain berkata, kursus ini sangat memberikan impak yang tinggi kepada semua pihak pengurusan kolej kediaman untuk diaplikasikan dalam di universiti masing-masing bag menjana pendapatan kewangan di kolej kediaman. Program dijayakan penceramah daripada I Psychology & Counselling Academy, Abdul Razak Shahbudin yang banyak berkongsi pengalaman dalam bidang merancakkan usaha ini.

Disediakan oleh Zahiruddin Mohd Zain dari JHEPA dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat PNC.